

Kerjasama bioteknologi Malaysia-Jepun dimeterai

UM-7/3/2007

TOKYO 6 Mac - Kerjasama dalam bidang bioteknologi antara Malaysia dan Jepun dimeterai hari ini apabila memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara Kaneka Corporation (Kaneka), Felda Holdings Berhad dan Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp).

MoU itu ditandatangani oleh Pengarah Eksekutif Kaneka, Dr. Satomi Takahashi, Pengarah Urusan Kumpulan Felda, Datuk Bakke Mohd. Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Iskandar Mizal Mahmood.

Majlis menandatangani memorandum itu disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang dalam rangka lawatan rasmi ke Jepun selama empat hari bermula semalam.

Objektif MoU itu bagi membolehkan ketiga-tiga pihak meneroka peluang untuk menjalin kerjasama membabitkan bekalan minyak kelapa sawit sebagai makanan ternakan bagi pengeluaran *biopolymer poly*.

Kaneka merupakan sebuah syarikat yang disenaraikan di bursa saham Jepun dan ia ditubuhkan pada 1949 bagi membangunkan teknologi terkini polimer, penapaian dan bioteknologi.

Di peringkat awal, produk keluaran Kaneka antara lain termasuklah sabun, kosmetik dan wayar elektrik sebelum syarikat itu kemudiannya mengembangkan lagi operasinya dalam bidang polimer, penapaian, bioteknologi dan elektronik.

Di Malaysia Kaneka mula bertapak pada tahun 1995 dan kini mempunyai empat kilang pengeluaran di Pahang.

- Utusan